

MINORITI MELAYU AYUTHIA DAN PATANI DALAM DOMAIN KELUARGA, BAHASA, BUDAYA, PENDIDIKAN, PEKERJAAN, SOSIAL DAN POLITIK

*(FAMILY, LANGUAGE, CULTURE, EMPLOYMENT, SOCIETY AND POLITICS IN THE
MALAY MINORITY OF AYUTHIA AND PATTANI)*

Muhammad Rozi Malim
rozi@tmsk.uitm.edu.my

Mohd Sazili Shahibi
impakuitm@salam.uitm.edu.my

Samsudin Wahab
samsudinw@puncakalam.uitm.edu.my

Hasan Abdullah
hasan541@salam.uitm.edu.my

Mat @ Muhammad Yusoff
matyu183@salam.uitm.edu.my

Abdul Halim Sidek

Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK)
Universiti Teknologi MARA

Abstrak

Makalah ini bertujuan mengkaji tahap pencapaian minoriti Melayu Ayuthia dan Patani di Thailand dalam domain keluarga, bahasa, budaya, pendidikan, pekerjaan, sosial dan politik. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah pensampelan rawak. Para penyelidik melawat setiap minoriti dan memilih sebilangan responden secara rawak, dan pengumpulan data dilakukan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan. Responden terdiri daripada keluarga Melayu Islam dalam setiap minoriti tersebut. Kawasan kajian ialah perkampungan Baan Phom di Ayuthia dan Kampung Kuwing di Patani. Kajian ini telah mengambil masa selama satu tahun (Januari hingga Disember 2011) bermula daripada penyediaan borang soal selidik sehingga laporan akhir. Dapatan kajian menunjukkan minoriti Melayu Patani jauh lebih baik berbanding dengan Melayu Ayuthia dalam semua domain. Masyarakat Islam Ayuthia telah hilang kemelayuannya, tiada lagi bahasa dan budaya.

Kata kunci: minoriti Melayu, Ayuthia, Patani, keluarga, bahasa, budaya, pendidikan, pekerjaan, sosial, politik

Abstract

This paper aims to study the level of achievements of Ayuthia and Pattani Malay minorities in Thailand in the domains of family, language, culture, education, employment, society and politics. This study was conducted using a random sampling method in which the researchers had visited each minority; a number of respondents were chosen at random, and the data collection was carried out using prepared questionnaires. The respondents were Malay Muslim families from each minority group. The areas of study were Baan Phom in Ayuthia and Kampung Kuwing in Pattani. This study took about a year (January to December 2011) starting from the preparation of questionnaires until the final report. The results showed that the Patani Malay minority fared significantly better compared to the minority in Ayuthia in all domains. The Ayuthia Muslim community has lost its Malay identity as they have not retained the Malay language and culture.

Keywords: malay Minority, Ayuthia, Pattani, family, language, culture, education, employment, society, politics

PENDAHULUAN

“Minoriti” selalunya merujuk suatu kaum atau kumpulan etnik yang kecil dikelilingi oleh kaum yang lebih ramai; kaum yang lemah di samping kaum perdana dalam satu negara yang berbilang bangsa (Kamsiah, 2010). Retorik yang lazimnya didengar ialah diskriminasi terhadap kaum minoriti. Mereka merupakan kaum yang kurang mendapat persamaan hak asasi dengan kaum majoriti. Kedengaran juga kekusaran apabila pertambahan bilangan penduduk daripada kumpulan minoriti mula menunjukkan tanda mengubah bentuk demografi sesuatu negara. Perbezaan antara kaum minoriti dengan majoriti lebih terserlah apabila mereka bukan sahaja berbeza dari segi bentuk fizikal tetapi juga bahasa dan budaya. Lebih kompleks lagi jika kedua-duanya mewarisi tradisi daripada tamadun kegemilangan zaman silam.

Dalam sejarah manusia, berjaya atau tidak sesuatu bangsa itu bergantung pada tahap pencapaian dalam pendidikan. Seterusnya, pencapaian dalam pendidikan akan mencorak kehidupan masa depan. Keluarga yang berjaya dalam pendidikan akan melahirkan generasi yang cemerlang. Pencapaian pendidikan yang cemerlang amat penting dalam memastikan kejayaan sesebuah masyarakat, dan secara langsung akan menentukan pelibatan serta kedudukan mereka dalam sosial dan politik negara. Generasi yang berjaya dan berpendidikan tinggi mampu memastikan bangsa dan budaya mereka terus terbela dan terpelihara.

Satu kajian lapangan menerusi soal selidik telah dijalankan oleh Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam pada 12-15 Julai 2011 di Ayuthia Thailand dan 27-30 Julai 2011 di Patani terhadap Melayu Ayuthia dan Melayu Patani.

Melayu Ayuthia dan Melayu Patani merupakan dua minoriti yang mempunyai perbezaan yang ketara. Melayu Ayuthia yang terletak di Tengah Thailand (berhampiran Bangkok) bukan sahaja kaum minoriti Thailand malah minoriti dalam daerah Ayuthia, manakala Melayu Patani di Selatan Thailand merupakan majoriti dalam Wilayah Patani dan berhampiran dengan Malaysia. Nasib dan masa depan mereka selalu menjadi tanda tanya disebabkan mereka merupakan kaum minoriti Melayu Islam dalam negara majoriti bukan Islam (Buddha).

Kajian ini bertujuan meneliti kehidupan masyarakat Melayu Islam Ayuthia dan Patani yang masih ada pada hari ini. Tahap pencapaian dua masyarakat tersebut dinilai dalam domain keluarga, bahasa, budaya, pendidikan, pekerjaan, sosial dan politik, dan seterusnya membuat perbandingan antara kedua-dua masyarakat ini.

KAJIAN TERDAHULU

Sohaimi dan Omar (2010) membincangkan sejarah perkembangan identiti kaum Peranakan Samsam Melayu-Islam di utara Kedah menggunakan pendekatan sejarah dan antropologi. Metodologi kajian berasaskan kaedah temu bual yang tidak berstruktur, kajian kepustakaan dan teks. Kajian ini mendapati bahawa kaum Peranakan Samsam ialah minoriti Melayu-Islam yang berketurunan Siam yang berada di sini semenjak abad ke-18 lagi dan keislaman mereka diragui kerana dipercayai mengamalkan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, identiti mereka ini telah berubah apabila terjadi asimilasi dengan masyarakat tempatan semenjak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970-an.

Fatimah *et al.* (2010) pula mengkaji perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Cam. Kajiannya mengupas persoalan pola perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat tersebut telah berubah daripada perkahwinan bersifat endogami kepada eksogami, dan juga mengkaji struktur dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat. Mereka juga ingin mengenal pasti faktor lain yang menyebabkan berlakunya perubahan tersebut. Data yang digunakan berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap masyarakat Cam di Malaysia dan di Kemboja.

Raja Masittah (2010), merujuk minoriti Melayu Katanning di Australia Barat, mengkaji fenomena penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat majoriti berbahasa Inggeris. Kajian ini menumpu pada pekerja di pusat penyembelihan dan pengeluaran daging biri-biri dan di beberapa kawasan perumahan Melayu dengan

menghubungkaitkannya dengan kedatangan komuniti Melayu dari Pulau Kokos dan Pulau Christmas. Beliau cuba menerapkan kerangka teori yang berhubung dengan penyebaran dan bermastautinnya bahasa Melayu di Australia yang dikemukakan oleh Asmah (2008);elihara (*maintain*), anjak (*shift*) dan anjak patah balik (*reversing shift*). Metodologi kajian ialah temu bual, wawancara dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan bahasa Melayu menjadi alat utama dalam penyampaian maklumat kepada pekerja di pusat penyembelihan tersebut. Walaupun mereka tinggal di negara yang majoritinya berbahasa Inggeris, minoriti Melayu di situ tetap menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi sesama mereka, dan sentiasa memastikan anak-anak mereka bercakap dalam bahasa Melayu ketika berada di rumah. Kanak-kanak dan golongan remaja diasuh agar menggemari bahasa Melayu melalui nyanyian nasyid dalam bahasa Melayu, dan pelbagai aktiviti budaya dan agama diusahakan untuk kaum wanita melalui Persatuan Wanita.

Kamsiah (2010) mengkaji integrasi Melayu minoriti dengan Cina majoriti di Singapura dalam domain peribadi, keluarga, pekerjaan, sosial dan politik. Beliau telah menyediakan satu borang soal selidik yang khusus dan juga soalan terbuka bagi menghasilkan data yang menarik dan berguna bagi menjawab persoalan utama kajian, iaitu “Apakah integrasi kaum antara orang Melayu dan Cina telah tercapai?” Petunjuk darjah integrasi dalam domain peribadi, keluarga, pekerjaan, sosial dan politik dikupas dan dikaitkan dengan tanggapan responden yang menjurus pada tujuan membina satu masyarakat yang beraneka, berbeza namun bersatu padu dan harmonis. Hasil kajian menunjukkan sikap percaya-mempercayai dan keselesaan antara responden Melayu dengan Cina terhadap satu sama lain. Keadaan ini berlaku dalam semua domain yang dikaji. Faktor bangsa dan agama tidak menjadi batu penghalang bagi responden untuk mempunyai sikap yang positif terhadap bangsa lain.

Masyarakat Melayu di selatan Thailand (Patani, Yala dan Narathiwat) lebih dikenali sebagai Melayu Patani. Mereka merupakan kelompok minoriti Thailand tetapi majoriti di tiga wilayah tersebut. Dari segi kebudayaan, adat istiadat dan juga rupa paras, mereka merupakan orang Melayu. Tidak seperti Melayu Ayuthia, banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan masyarakat Melayu Islam Patani. Walau bagaimanapun, kebanyakannya hanya tertumpu pada sejarah kegemilangan lampau dan juga berkaitan dengan “bahasa” dan “agama”. Dalam satu kajian oleh Paitoon (2005), tidak kurang daripada 75 peratus penduduknya beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dialek Patani dan patuh kepada adat resam Melayu seperti penduduk di utara Malaysia. Worawit (2001) pula mendedahkan bahawa mereka (sebagai warganegara Thailand) diwajibkan menganggap diri mereka berbangsa dan berketurunan Thai walaupun pada hakikat sebenar mereka berbangsa Melayu dan Islam.

Dalam kehidupan harian, masyarakat Melayu Patani mengguna bahasa Melayu Patani sebagai bahasa perhubungan utama, bukan sahaja dalam pergaulan seharian malah meliputi upacara adat dan keagamaan. Menurut Ismail (2007), bahasa Melayu Patani telah wujud dan berkembang sejak ribuan tahun yang lampau, sebelum kerajaan Melayu Patani diletakkan di bawah pemerintahan Thailand. Bahasa Melayu Patani telah sebatikan dalam jiwa masyarakat Melayu di selatan Thailand dan turut menjadi identiti orang Melayu. Bagi mengimbangi situasi ini, kerajaan Thailand telah memindahkan penduduk Thai di utara ke tiga wilayah selatan (Ahmad Fathi, 2001). Tujuannya supaya dominasi penduduk dan budaya Melayu-Islam sedikit demi sedikit bertukar menjadi budaya Thai.

Mohd Zamberi (1994) merumuskan bahawa bahasa Melayu Patani telah menjadi bahasa ilmu dan berjaya meletakkan Patani sebagai pusat tamadun kesusasteraan Melayu Islam menerusi penghasilan kitab agama oleh para ulama. Penggunaan kitab tersebut sebagai bahan rujukan amat meluas sehingga sampai ke negara timur tengah dan Afrika Utara. Walau bagaimanapun, segala kemegahan terhadap bahasa Melayu itu sedikit demi sedikit mulai luntur apabila Melayu Patani menjadi sebahagian daripada Thailand. Kerajaan Thailand sentiasa berusaha untuk menghapuskan bahasa Melayu dengan mengharamkan penggunaannya di sekolah dan pejabat kerajaan. Tindakan ini secara tidak langsung membawa kesan yang amat besar kepada kedudukan bahasa Melayu di tiga wilayah tersebut. Generasi muda Melayu Patani yang berpendidikan dan berkedudukan tinggi merasa lebih selesa menggunakan bahasa Thai dalam pergaulan seharian kerana sistem pendidikan yang mengutamakan bahasa Thai. Keadaan ini memberikan gambaran kejayaan Kerajaan Thailand dalam usaha mewujudkan integrasi nasional dalam masyarakat Melayu.

Pengaruh bahasa Thai yang begitu kuat terhadap bahasa Melayu Patani serta beberapa dasar kerajaan yang bertujuan untuk menghapuskannya merupakan antara faktor utama yang menyebabkan kedudukan bahasa Melayu Patani semakin lemah dan tergugat dari sehari ke sehari. Ahmad Fathi (2001) dalam membincangkan perihal kemerosotan bahasa Melayu Patani menyatakan bahawa lapangan yang boleh dikuasai bahasa Melayu Patani sekarang ini hanyalah dalam pergaulan seharian, penyampaian khutbah, dan pengajaran agama di masjid atau madrasah. Tambah beliau, bahasa Melayu tidak lagi digunakan dalam urusan rasmi kerajaan, media massa dan papan tanda, malah bahasa Melayu tidak lagi digunakan di mana-mana dalam negara Thailand.

Tiada kajian khusus yang dilakukan berkaitan dengan minoriti Melayu Islam Ayuthia. Cerita mengenai minoriti ini yang banyak dibincangkan oleh para pengkaji sejarah dan dimuatkan di Internet hanyalah perkisahan zaman

kegemilangan pemerintahan Empayar Ayuthia yang ada kaitan dengan Empayar Kedah Tua. Kajian terkini telah dilakukan dalam Ekspedisi Jejak Warisan Jawi (JWJ) “Dari Semenanjung ke Ayuttahaya” anjuran Majma’ Budaya dan Warisan Jawi (MAJMAK). Ekspedisi ini telah berjaya dilaksanakan bermula dari Klang (Selangor) sehingga Ayuttahaya (Thailand) selama 10 hari (12-21 Februari 2010) menggunakan enam kenderaan pacuan empat roda melebihi 4,000 km. Tujuannya untuk menjejak sejarah bangsa Melayu dan kesinambungan tinggalannya di Thailand. Seterusnya merapatkan silaturrahim satu bangsa tetapi berlainanan negara dalam satu program yang harmoni melalui persembahan kebudayaan Melayu Semenanjung kepada Melayu Thailand. Secara keseluruhan, mereka yakin bahawa Empayar Ayuthia sebenarnya Kerajaan Melayu Islam (<http://majmakbudayadanwarisanjawi.blogspot.com/>).

Kesinambungan daripada itu, Ekspedisi Jejak Warisan Jawi 2 (JWJ2) telah dianjurkan pada 29 Mei hingga 18 Jun 2011 bersama Kelab Putera 1Malaysia dan Blackwind Adventure Team apabila Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (Datuk Seri Dr. Rais) telah bersetuju menjadi Penaung. Ekspedisi JWJ2 bertujuan menjejaki serta merungkai sejarah mutakhir bangsa Melayu di tujuh negara rumpun Melayu (Malaysia, Myanmar, Kemboja, Thailand, China, Vietnam dan Laos).

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Pensampelan dan Pengumpulan Data

Bagi setiap lokasi (Ayuthia dan Patani), sebuah perkampungan Melayu Islam telah dikenal pasti dan dipilih sebagai kajian kes; Baan Phom di Ayuthia, manakala di Patani melibatkan Kampung Kuwing dan beberapa perkampungan sekitarnya. Di perkampungan Islam Baan Phom Ayuthia, terdapat lebih kurang 350 keluarga Islam di sekitar Masjid Nurul Iman. Sebanyak 21 keluarga (rumah) telah sempat dikunjungi bagi tujuan kaji selidik. Seramai dua orang penterjemah warga tempatan telah sudi membantu para penyelidik; seorang pelajar yang boleh berbahasa Inggeris dan seorang peniaga yang boleh berbahasa Melayu Patani. Di Patani, seramai empat orang pelajar *Prince of Songkla University* (Melayu tempatan) telah membantu menjayakan kaji selidik. Di Kampung Kuwing dan sekitarnya, sejumlah 40 keluarga Melayu Islam telah berjaya ditemu bual. Proses pengumpulan data di Patani adalah jauh lebih mudah berbanding dengan Ayuthia kerana kebanyakan ketua keluarga Melayu Patani boleh berbahasa Melayu walaupun kurang fasih.

Di kedua-dua lokasi tersebut, pemilihan keluarga Melayu Islam dibuat secara



Rajah 2. Masjid Nur Al-Jamal (dan Imam), Masjid Nurul Iman, dan keluarga Islam Ayuthia.



Rajah 5. Kajian lapangan menerusi soal selidik dengan penduduk Kampung Kuwing.



Rajah 6. Lawatan ke Prince of Songkla University (Patani) dan Yala Islamic University.

rawak, iaitu berdasarkan rumah yang dahulu ditemui dan kesudian ketua keluarga untuk ditemu bual. Kaedah pengumpulan data berpandukan kepada borang kaji selidik yang disediakan. Borang kaji selidik dibuat dalam dwibahasa (Melayu dan Inggeris) dan dibahagikan kepada sembilan (9) bahagian (A hingga I). Bahagian A hingga C berkaitan maklumat am dan tahap kehidupan dari sudut keluarga (kediaman, pendidikan dan pekerjaan), dan bahagian yang seterusnya (D hingga I) merangkumi enam (6) domain dalam kaji selidik (bahasa, budaya, pendidikan, pekerjaan, sosial dan politik). Maklum balas responden bermula daripada Bahagian D5 hingga akhir (Bahagian I) dalam bentuk “skor” yang berpandukan skala *Likert* 1 hingga 5 yang membawa maksud berikut:

1	2	3	4	5
sangat tidak setuju	tidak setuju	tidak pasti	setuju	sangat setuju

Kaedah Penganalisan Data

Data kaji selidik yang telah diperolehi dianalisis menggunakan SPSS, manakala keputusan dipamerkan menggunakan Microsoft Excel. Data tersebut diolah menggunakan jadual kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Kaedah statistik inferensi sosial digunakan bagi menghuraikan data yang telah dikumpul dalam Bahagian A hingga D4. Bermula Bahagian D5 hingga akhir, merangkumi enam domain kajian, kaedah analisis deskriptif yang berasaskan skor (1-5) digunakan untuk menentukan tahap penilaian responden dalam setiap domain. Bagi merealisasikan setiap objektif kajian, penganalisan data dilakukan, seperti yang berikut:

(1) Menilai tahap kehidupan keluarga:

Bagi setiap minoriti Melayu (Ayuthia dan Patani), maklum balas responden dalam Bahagian B dan C dianalisis dan dihuraikan secara keseluruhan bagi menilai tahap kehidupan dari perspektif keluarga (kediaman, pendidikan dan pekerjaan setiap ahli keluarga).

(2) Menentukan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi, serta amalan budaya Melayu dan ajaran Islam:

Bagi setiap minoriti, maklum balas responden dalam Bahagian D1-D4 dianalisis dan dihuraikan secara keseluruhan bagi menentukan tahap penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka. Bagi Bahagian D5-D6 dan E, semua skor (1-5) bagi semua penyata dikumpulkan dan min skor bagi setiap satu dikira. Tahap pertuturan dalam bahasa Melayu, penggunaan

tulisan Jawi, amalan budaya Melayu dan ajaran Islam masing-masing dapat ditentukan secara kuantitatif berdasarkan purata min skor yang seterusnya boleh ditukarkan kepada peratusan.

(3) Menilai tahap pencapaian dan peluang pendidikan serta pekerjaan:

Bagi setiap minoriti, semua skor (1-5) bagi semua penyata dalam Bahagian F dan G dikumpulkan dan min skor bagi setiap satu dikira. Tahap pencapaian dan peluang pendidikan serta peluang dan persekitaran pekerjaan masing-masing dapat dinilai berdasarkan purata min skor (boleh ditukarkan kepada peratusan).

(4) Menentukan tahap hubungan sosial dan pelibatan dalam politik tempatan:

Bagi setiap minoriti, semua skor (1-5) bagi semua penyata dalam Bahagian H dan I dikumpulkan dan min skor bagi setiap satu dikira. Tahap hubungan sosial dengan kaum majoriti dan peluang pelibatan dalam politik tempatan masing-masing dapat ditentukan berdasarkan purata min skor yang juga boleh diberikan dalam peratusan.

(5) Membandingkan minoriti Melayu Islam Ayuthia dan Patani:

Keputusan analisis yang diperoleh dalam (1) hingga (4) di atas seterusnya digunakan bagi membandingkan tahap pencapaian dan status kehidupan minoriti Melayu Ayuthia dan Patani dalam setiap domain. Setiap perbandingan (setiap domain kecuali keluarga) dianalisis menggunakan suatu ujian statistik bagi menentukan secara signifikan sebarang perbezaan antara dua minoriti tersebut. Akhirnya, satu nilai bagi mewakili setiap minoriti secara keseluruhan boleh ditentukan berdasarkan purata min skor yang diperoleh daripada Bahagian D hingga I. Sekali lagi, analisis secara statistik dibuat bagi menentukan perbezaan antara dua minoriti tersebut.


DAPATAN KAJIAN

Jumlah keseluruhan responden ialah 61 keluarga minoriti Melayu Islam (21 di Ayuthia dan 40 di Patani). Analisis awal dilakukan dengan meneliti maklumat am responden (keluarga) bagi setiap minoriti berdasarkan maklum balas yang diberikan dalam Bahagian A borang soal selidik.


Ayuthia: Bagi masyarakat Melayu Islam Ayuthia (Baan Phom), purata bilangan

ahli keluarga ialah 8.4 orang dengan bilangan tertinggi 20. Peratus lelaki ialah 48 peratus, manakala perempuan 52 peratus. Rajah 8 memberikan taburan peratusan bilangan ahli keluarga dengan peratusan tertinggi bagi jumlah ahli keluarga 6 dan 7 orang, iaitu 19 peratus. Majoriti mereka terdiri daripada golongan miskin yang bekerja sendiri dengan pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi THB 13 000 (RM1300) dengan purata THB 5700 (RM570).

Patani: Di Kampung Kuwing (Patani) dan sekitarnya, majoriti penduduk Melayu Islam (secara keseluruhan 89 peratus). Purata bilangan ahli keluarga ialah 5.7 orang dengan bilangan tertinggi 9; lelaki 54 peratus dan perempuan 46 peratus. Rajah 9 menunjukkan taburan peratusan bilangan ahli keluarga dengan bilangan 4 dan 7



Rajah 8 Taburan peratusan bilangan ahli keluarga (Baan Phom, Ayuthia).



Rajah 9. Taburan peratusan bilangan ahli keluarga (Kampung Kuwing, Patani).

memberikan peratusan tertinggi (22.5 peratus). Majoriti ialah golongan sederhana dan bekerja sendiri terutamanya dalam sektor perniagaan dan pertanian dengan pendapatan bulanan isi rumah, secara purata, THB 15,200 (RM1,520), dan tertinggi THB45,000 (RM4,500).

Bagi Bahagian B hingga I, keputusan kajian dipamerkan berdasarkan lima objektif kajian yang telah disenaraikan.

TAHAP KEHIDUPAN KELUARGA

(1) Bahagian B – Kediaman dan Kelengkapan

Ayuthia: Majoriti (76 peratus) masyarakat Melayu Ayuthia (Baan Phom) tinggal di rumah kampung (Rajah 10). Status pemilikan menunjukkan hampir kesemua (90 peratus) rumah sendiri. Walaupun bilangannya kecil, ada juga keluarga yang berkemampuan memiliki banglo atau rumah kedai, masing-masing 14 peratus dan 10 peratus. Hampir kesemua rumah (90 peratus) dua tingkat kerana masalah banjir yang kerap berlaku terutamanya dalam musim tengkujuh. Purata bilangan bilik tidur ialah 2.2 dengan bilangan tertinggi 5, manakala purata bilangan bilik air dan tandas masing-masing 1.4 dan 1.3.

Motosikal merupakan alat pengangkutan utama masyarakat Ayuthia kerana harga bahan api yang tinggi di Thailand (200 peratus berbanding dengan Malaysia). Hampir semua keluarga memiliki motosikal (91 peratus) dengan purata 1.48 buah setiap keluarga. Kurang separuh (43 peratus) daripada keluarga yang ditemui memiliki kereta dengan purata 0.52 buah setiap keluarga. Kebanyakan kereta jenis *pick-up* bagi tujuan perniagaan, dan ada juga yang memiliki “tut-tut” bagi menambah pendapatan.

Dari aspek kelengkapan rumah, hanya dua rumah (9.5 peratus) mempunyai penyaman udara, hampir kesemua mempunyai televisyen (91 peratus), 57 peratus mempunyai mesin basuh, dan 86 peratus memiliki peti sejuk. Majoriti menggunakan dapur gas (91 peratus) dan tiada yang memasang penapis air. Hanya tiga keluarga (14 peratus) mampu memiliki ketuhar mikro, telefon rumah dan komputer, manakala hanya satu keluarga mempunyai akses internet (5 peratus). Hampir semua keluarga memiliki telefon bimbit (86 peratus) dengan purata dua telefon setiap keluarga. Kelengkapan perabot rumah, seperti dalam Rajah 11, menunjukkan hanya 19 peratus (empat keluarga) mempunyai perabot lengkap, manakala 38 peratus tiada perabot.


Patani: Seperti Melayu Ayuthia, majoriti (70 peratus) masyarakat Melayu Patani (Kampung Kuwing) juga tinggal di rumah kampung (Rajah 12), iaitu 97 peratus ialah milik sendiri. Tujuh keluarga (17 peratus) memiliki banglo dan lima keluarga

(13 peratus) tinggal di rumah kedai. Kebanyakannya rumah satu tingkat (63 peratus) dengan purata bilangan bilik tidur 2.6 (bilangan tertinggi 4), manakala purata bilangan bilik air dan tandas kedua-duanya 1.2.


Motosikal ialah pengangkutan utama masyarakat Patani. Hampir semua keluarga memiliki motosikal (95 peratus) dengan purata 2.95 setiap keluarga, manakala 53 peratus memiliki kereta dengan purata 0.80 buah setiap keluarga dan kebanyakannya jenis *pick-up*. Tinjauan terhadap kelengkapan rumah menunjukkan hanya lima keluarga (12.5 peratus) mempunyai penyaman udara, semua mempunyai televisyen, 85 peratus menggunakan mesin basuh, dan semua memiliki peti sejuk. Hampir semua keluarga menggunakan dapur gas (97.5 peratus) dan 42.5 peratus memasang penapis



Rajah 10 Jenis kediaman dan status pemilikan masyarakat Melayu Islam Ayuthia.



Rajah 11. Kelengkapan perabot rumah masyarakat Melayu Ayuthia.



Rajah 12. Jenis kediaman dan status pemilikan masyarakat Melayu Patani.

air. Sepuluh keluarga (25 peratus) memiliki ketuhar mikro dan telefon rumah, lebih daripada separuh (55 peratus) memiliki komputer peribadi, dan lima rumah (12.5 peratus) mempunyai akses internet. Hampir semua keluarga memiliki telefon bimbit (92.5 peratus) dengan purata 3.5 setiap keluarga. Semua keluarga merekodkan kelengkapan perabot rumah separa lengkap.

(2) Bahagian C – Pekerjaan dan Pendidikan dalam Keluarga

Ayuthia: Daripada 176 ahli keluarga yang direkodkan (21 keluarga), berumur antara tujuh bulan hingga 97 tahun, 29.7 peratus di bawah 18 tahun. Bagi yang berumur 4 hingga 6 tahun (prasekolah) hanya 15 peratus boleh membaca dan menulis, 7 hingga 12 tahun, 94 peratus, 13 hingga 60 tahun, 100 peratus, dan 78 peratus bagi 61 tahun dan ke atas. Dari aspek kebolehan menggunakan komputer, 28 peratus bagi yang berumur 7 hingga 12 tahun, 67 peratus bagi 13 hingga 17 tahun, 38 peratus bagi 18 hingga 40 tahun, manakala 41 hingga 60 tahun ialah 4 peratus.

Daripada 98 orang berumur 18 hingga 60 tahun, majoriti (63 peratus) pekerja swasta, 24 peratus dalam sektor pertanian atau bekerja sendiri (peniaga), 7 peratus kakitangan kerajaan, dan 6 peratus tidak bekerja (pencen atau suri rumah), Rajah 13. Tahap pendidikan dalam kumpulan yang sama menunjukkan 8 peratus memiliki ijazah atau diploma, 60 peratus berpendidikan menengah, 26 peratus sekolah rendah, 2 peratus berpendidikan pondok, dan 4 peratus tiada pendidikan (Rajah 13). Daripada 53 orang yang masih belajar (1 hingga 18 tahun), 5.5 peratus di universiti atau kolej, 22.5 peratus di sekolah menengah, 34 peratus di sekolah rendah, manakala 38 peratus di prasekolah.


Patani: Daripada 228 orang (40 keluarga) berumur antara dua bulan hingga 72 tahun, 23.5 peratus di bawah 18. Bagi kumpulan 4 hingga 6 tahun (prasekolah), 57 peratus mampu membaca dan menulis, 95 peratus bagi 7 hingga 12 tahun, 13 hingga 17 tahun, 100 peratus, 18 hingga 40 tahun 96 peratus, 41 hingga 60 tahun 90 peratus,



Rajah 13 Jenis Pekerjaan dan Tahap Pendidikan Masyarakat Melayu Ayuthia.

dan melebihi 60 tahun 57 peratus. Dalam kebolehan menggunakan komputer, 53 peratus bagi 7 hingga 12 tahun, 13 hingga 17 tahun 96 peratus, 18 hingga 40 tahun 85 peratus, dan 12 peratus bagi 41 hingga 60 tahun.

Daripada 144 isi rumah yang berumur 18 hingga 60 tahun, majoriti (51 peratus) dalam sektor pertanian atau bekerja sendiri, 19 peratus kakitangan kerajaan, 13 peratus pekerja swasta, dan 17 peratus tidak berkerja (pencen atau suri rumah), lihat Rajah 14. Tahap pendidikan bagi kumpulan ini menunjukkan 28 peratus memiliki ijazah atau diploma, 31 peratus berpendidikan menengah, 39 peratus sekolah rendah, dan 2 peratus tiada pendidikan (Rajah 16). Bilangan yang masih belajar (1 hingga 24 tahun) ialah 81, iaitu 30 peratus berada di universiti atau kolej, 38 peratus di sekolah menengah, 23 peratus di sekolah rendah, dan 9 peratus di prasekolah.



Rajah 14 Jenis Pekerjaan dan Tahap Pendidikan Masyarakat Melayu Patani.

BAHASA MELAYU, TULISAN JAWI, BUDAYA MELAYU DAN AJARAN ISLAM

(1) Bahagian D – Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi

Ayuthia: Berdasarkan D1-D4, daripada 21 keluarga Melayu Ayuthia, hanya satu keluarga (5 peratus) boleh bertutur dan menulis beberapa patah perkataan Melayu yang dipelajari dalam keluarga. Purata min skor 1.4 (10 peratus) bagi Bahagian D5 dan 1.0 (0 peratus) bagi D6 menunjukkan masyarakat Melayu Ayuthia tidak lagi mampu bertutur dalam bahasa Melayu dan tidak tahu langsung mengenai tulisan Jawi.

Patani: Daripada 40 keluarga Melayu Patani, D1-D4 menunjukkan 35 keluarga (88 peratus) boleh bertutur dalam bahasa Melayu sejak lahir, iaitu 54 peratus daripadanya (19 keluarga) boleh bertutur dengan baik dan 40 peratus masih mampu menulis. Kebanyakan daripada mereka (45 peratus) mempelajari bahasa Melayu di rumah dan ramai juga yang mempelajarinya di sekolah (40 peratus). Purata min skor 3.9 (72.5

peratus) bagi D5 dan 3.4 (60 peratus) bagi D6 menunjukkan masyarakat Melayu Patani masih mampu bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik dan sentiasa menjaga dan memahami kepentingan tulisan Jawi.

(2) Bahagian E – Budaya Melayu dan Agama Islam

Ayuthia: Budaya Melayu dalam masyarakat Islam Ayuthia, purata min skor Bahagian E1 2.0 (25 peratus) membawa maksud bahawa tiada lagi dalam masyarakat mereka ataupun mungkin mereka tidak tahu tentang budaya Melayu. Bagi maklumat yang diterima berkaitan dengan agama Islam, E2, purata min skor ialah 2.5 (37.5 peratus). Keadaan ini mungkin menggambarkan bahawa agama Islam hanyalah suatu pegangan atau kepercayaan turun-temurun dan bukannya suatu amalan (cara hidup) bagi masyarakat Melayu Ayuthia. Menurut dakwaan seorang imam yang ditemui, majoriti penduduk Melayu Ayuthia hanya ke masjid semasa sembahyang Jumaat, dan amat kurang semasa sembahyang lima waktu.

Patani: Dalam masyarakat Islam Patani, dengan purata min skor E1 3.6 (65 peratus), budaya Melayu masih kekal dan dijaga dengan baik sejak turun-menurun. Bahagian E2 dengan purata min skor 4.3 (82.5 peratus) jelas menunjukkan bahawa agama Islam tetap kukuh dan menjadi amalan atau cara hidup mereka sehingga hari ini. Kenyataan ini disokong dengan kejayaan mereka menubuhkan Yala Islamic University, dan juga masih wujud banyak sekolah pondok di sekitar Patani.

Pendidikan dan Pekerjaan

(1) Bahagian F – Pendidikan: Tahap dan Peluang

Ayuthia: Bagi pendidikan awal (rendah dan menengah), purata min skor ialah 2.6 atau 40 peratus (tahap rendah). Kerajaan Thailand membantu semua sekolah rendah dan menengah termasuk di kawasan penduduk Islam Ayuthia. Masalah sebenar mungkin kerana tiada kesedaran dalam kalangan mereka dalam mengambil peluang mengubah nasib keluarga dan masyarakat untuk berjaya dalam pendidikan. Pada peringkat pendidikan tinggi (kolej dan universiti), masalahnya lebih serius dengan purata min skor 2.0 (25 peratus). Bilangan masyarakat Melayu Ayuthia yang mendapat pendidikan lanjutan dan tinggi amat rendah, dan keadaan ini sudah tentu akan menyukarkan usaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Patani: Bagi masyarakat Melayu Patani, purata min skor bagi pendidikan rendah dan menengah ialah 3.5 (62.5 peratus), iaitu tahap sederhana baik. Keadaan ini

menunjukkan wujudnya kesedaran dalam kalangan mereka untuk mengambil peluang berjaya dalam pendidikan bagi mengubah nasib keluarga dan masyarakat. Pada peringkat pendidikan tinggi (kolej dan universiti), purata min skor ialah 3.8 (70 peratus). Bilangan pelajar Melayu Patani yang mendapat pendidikan lanjutan dan tinggi adalah menggalakkan, dan secara langsung menjamin masa depan mereka. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Melayu Patani diberikan peluang yang sama dalam pendidikan tanpa mengira bangsa atau agama.

(2) Bahagian G – Pekerjaan: Peluang dan Persekitaran

Ayuthia: Purata min skor yang berkaitan peluang dan persekitaran pekerjaan bagi Melayu Ayuthia ialah 2.2 (30 peratus). Hal ini menunjukkan mereka jauh ketinggalan berbanding dengan golongan majoriti. Tiada bukti yang menunjukkan wujudnya diskriminasi oleh pihak kerajaan; peluang yang sama disediakan oleh kerajaan Thailand tanpa mengira kaum. Hanya pendidikan yang baik dan cemerlang mampu meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Patani: Dengan purata min skor 3.6 (65 peratus), Melayu Patani berada pada tahap yang baik dari aspek peluang pekerjaan. Tidak timbul masalah persekitaran dalam pekerjaan mahupun masalah diskriminasi kerana mereka merupakan majoriti di Patani. Dengan tahap pendidikan yang baik, mereka mempunyai peluang luas untuk mendapatkan pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan mereka.

HUBUNGAN SOSIAL DAN POLITIK

(1) Bahagian H – Hubungan Sosial antara Kaum

Ayuthia: Dari segi hubungan sosial dan kaum bagi masyarakat Melayu Ayuthia, didapati purata min skornya 2.2 (30 peratus). Keadaan ini menunjukkan kebanyakan daripada mereka kurang bergaul dengan kaum lain atau lebih banyak menghabiskan masa bersama-sama masyarakat sekeliling yang seagama. Perbezaan agama dengan golongan majoriti mungkin mempengaruhi purata min skor.

Patani: Melayu Patani memberikan purata min skor 3.3 (57.5 peratus) bagi hubungan sosial antara kaum. Kebanyakan daripada mereka tiada masalah dalam pergaulan dengan kaum lain walaupun mereka lebih banyak meluangkan masa bersama-sama masyarakat sendiri yang seagama (Islam). Perbezaan agama tidak mempengaruhi purata min skor kerana Islam merupakan majoriti di Patani.

(2) Bahagian I – Pelibatan dalam Politik Setempat

Ayuthia: Melayu Ayuthia ialah kaum minoriti dengan bilangan kecil sekitar 50 ribu orang. Mereka lebih banyak menghabiskan masa mencari rezeki dan kurang berminat dengan politik, apatah lagi tiada wakil politik daripada kalangan mereka. Purata min skor dari segi politik setempat adalah rendah, iaitu 2.5 (37.5 peratus).

Patani: Di Patani, pelibatan masyarakat Melayu dalam politik tidak tertumpu pada satu parti utama. Bagi memastikan masyarakat mereka sentiasa terbela dan mendapat sokongan kerajaan Thailand, mereka biasanya menyokong mana-mana parti yang dijangka menang. Dengan purata min skor 3.6 (65 peratus), sebagai kaum majoriti, pelibatan dalam politik setempat amat penting dan signifikan.

Perbandingan Minoriti Melayu Islam Ayuthia dan Patani

Perbandingan setiap domain (kecuali keluarga) dianalisis menggunakan suatu ujian statistik bagi menentukan perbezaan antara dua minoriti tersebut. Suatu nilai keseluruhan bagi mewakili setiap minoriti ditentukan berdasarkan purata min skor yang telah diperolehi daripada Bahagian D hingga I borang kaji selidik. Akhir sekali, suatu ujian statistik dibuat bagi menentukan perbezaan secara keseluruhan.

Jadual 1 menunjukkan perbandingan bagi setiap domain antara minoriti Melayu Ayuthia dan Patani, kebanyakannya diberikan dalam “purata min skor” (PMS). Jelas bahawa Melayu Patani jauh lebih baik pencapaiannya dalam semua domain.

Dalam domain “keluarga”, saiz keluarga Melayu Ayuthia lebih besar berbanding dengan Patani. Disebabkan kemiskinan, ramai keluarga Melayu Ayuthia tinggal serumah bersama anak-anak yang telah berkahwin. Purata pendapatan bulanan isi rumah Melayu Patani hampir tiga kali berbanding dengan Ayuthia; jelas menunjukkan jurang tahap kehidupan antara dua minoriti tersebut. Elemen lain, seperti pemilikan kenderaan dan kelengkapan rumah juga turut menunjukkan perbezaan ketara. Majoriti Melayu Patani bekerja sendiri (51 peratus) berbanding dengan Ayuthia yang majoritinya (63 peratus) bekerja makan gaji dengan swasta. Dalam elemen pendidikan ahli keluarga, masyarakat Melayu Patani jauh lebih baik dengan 28 peratus pada peringkat ijazah atau diploma berbanding dengan Ayuthia 8 peratus.

Dalam domain “bahasa”, Melayu Ayuthia tidak lagi mampu bertutur dalam bahasa Melayu, malah mereka juga tidak tahu mengenai tulisan Jawi. Tidak hairanlah, dalam domain “budaya”, mereka tidak tahu langsung mengenai budaya Melayu dan juga tidak mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Bahasa Melayu secara keseluruhannya telah hilang dalam masyarakat Islam Ayuthia. Hanya beberapa

individu yang boleh bertutur “sikit-sikit”, itupun golongan peniaga atau imam yang selalu mengunjungi tempat lain, seperti Bangkok dan Patani.

Seperti bahasa, budaya Melayu juga telah tiada di Ayuthia; lenyap ditelan bahasa dan budaya kaum majoriti. Dasar kerajaan Thailand yang tidak menunjukkan sebarang penindasan terhadap kaum minoriti tetapi tidak memberikan pilihan, secara halus telah berjaya menge-Thai-kan semua kaum minoriti. Islam hanyalah kepercayaan turun-temurun dan tidak lagi menjadi amalan seharian. Masyarakat Islam Ayuthia mungkin tidak lagi sesuai dipanggil “Melayu” kerana mereka sendiri pun kurang pasti adakah mereka masih Melayu. Berbeza dengan masyarakat Islam Patani; bahasa dan budaya Melayu serta amalan ajaran Islam tetap kukuh. Walau bagaimanapun, pertuturan dalam bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda Islam Patani semakin berkurangan kerana sejak dibangku sekolah lagi mereka hanya diajar dan didedahkan dengan bahasa Thai yang menjadi bahasa utama.

Dalam domain “pendidikan” dan “pekerjaan”, tahap dan peluang masyarakat Melayu Patani jauh lebih baik berbanding dengan Ayuthia. Dua domain ini mempunyai perkaitan rapat. Melayu Ayuthia kurang kesedaran dalam pendidikan; tidak semua keluarga menghantar anak mereka ke tadika atau prasekolah. Walaupun ramai yang berpendidikan menengah, tidak ramai yang mampu menyambung pengajian ke peringkat kolej atau universiti. Keadaan ini mungkin disebabkan masalah kewangan atau pencapaian kurang baik, dan secara langsung telah memberikan kesan yang ketara dalam sektor pekerjaan. Masyarakat Melayu Ayuthia lebih cenderung bekerja sendiri dan hanya sebilangan kecil bekerja dengan kerajaan. Tidak timbul soal diskriminasi oleh pihak kerajaan, mereka sendiri perlu mengubah nasib bermula dengan pendidikan. Pencapaian Melayu Patani misalnya; mereka juga bernaung di bawah pemerintahan kerajaan Thai tetapi mampu berjaya dalam pendidikan dan pekerjaan.

Dalam domain “Sosial” dan “Politik”, masyarakat Melayu Ayuthia juga ketinggalan berbanding dengan Patani. Mereka lebih banyak bergaul sesama mereka. Mungkin kerana bilangan mereka kecil dan lemah, dan tiada pemimpin yang komited untuk membela nasib mereka, pelibatan dalam politik setempat tidak ketara. Barangkali mereka terlalu sibuk dengan masalah sendiri, tiada masa untuk memikirkan soal politik dan masa depan masyarakat. Secara keseluruhan, dengan anggapan semua domain adalah sama penting, peratusan tahap kehidupan Melayu Patani dan Ayuthia dalam semua domain (berdasarkan purata min skor) masing-masing ialah 67 peratus dan 26 peratus.

Jika dilihat Jadual 1, perbezaan antara dua minoriti ini amat ketara; Patani jauh lebih baik daripada Ayuthia dalam semua domain. Namun, bagi melengkapkan perbandingan, ujian statistik dilakukan terhadap semua domain kecuali “Keluarga”.

Jadual 1 Perbandingan setiap domain antara minoriti Melayu Islam Ayuthia dengan Melayu Islam Patani

Domain	Ayuthia				Patani			
Keluarga	Bil. Ahli Keluarga		Pendapatan Bulanan Isi rumah		Bil. Ahli Keluarga		Pendapatan Bulanan Isi rumah	
	Purata	Tertinggi	Purata	Tertinggi	Purata	Tertinggi	Purata	Tertinggi
	8.4	20	RM570	RM1300	5.7	9	RM1520	RM4500
Rumah	90% milik sendiri		Purata bilik tidur = 2.2		97% milik sendiri		Purata bilik tidur = 2.6	
Kenderaan	Purata Bil. Motor= 1.48		Purata Bil. Kereta= 0.52		Purata Bil. Motor= 2.95		Purata Bil. Kereta= 0.80	
Kelengkapan	Purata lengkap = 61%		Purata komputer/internet= 9%		Purata lengkap = 74%		Purata komputer/internet= 34%	
Perabot	19% lengkap		38% tiada perabot		100% separa lengkap			
Pekerjaan	7% kerajaan, 63% swasta, 24% sendiri				19% kerajaan, 13% swasta, 51% sendiri			
Pendidikan	8% ijazah/diploma		60% sek. menengah		28% ijazah/diploma		31% sek. menengah	
Bahasa	Bahasa Melayu		Tulisan Jawi		Bahasa Melayu		Tulisan Jawi	
	5% boleh sedikit-sikit		PMS = 1.0		88% boleh bertutur		PMS = 3.4	
	PMS = 1.4				PMS = 3.9			
Budaya	Budaya Melayu		Agama Islam		Budaya Melayu		Agama Islam	
	PMS = 2.0		PMS = 2.5		PMS = 3.6		PMS = 4.3	
Pendidikan	Pendidikan Awal		Pendidikan Tinggi		Pendidikan Awal		Pendidikan Tinggi	
	PMS = 2.6		PMS = 2.0		PMS = 3.5		PMS = 3.8	
Pekerjaan	PMS = 2.2				PMS = 3.6			
Sosial	PMS = 2.2				PMS = 3.3			
Politik	PMS = 2.5				PMS = 3.6			

Dalam setiap perbandingan (domain), hipotesis nol (H_0) ialah “Melayu Patani lebih baik daripada Ayuthia” atau “PMS (Patani) > PMS(Ayuthia)”. Setiap perbandingan berdasarkan data min skor 21 keluarga Ayuthia dan 40 keluarga Patani. Perbandingan dibuat antara purata min skor (PMS) dua minoriti tersebut. Keputusan ujian statistik perbandingan PMS antara dua minoriti pada aras keertian lima peratus diberikan dalam Jadual 2.

Jadual 2 jelas menunjukkan bahawa tahap pencapaian Melayu Patani adalah lebih baik berbanding dengan Ayuthia dalam semua domain. Ini selari dengan huraian yang diberikan daripada Jadual 1. Perbezaan ketara adalah dari segi “Bahasa”; Melayu Patani masih menggunakan bahasa Melayu dan mempelajari Tulisan Jawi berbanding dengan Melayu Ayuthia yang telah kehilangan kedua-duanya. Perbezaan kurang ketara adalah dalam “Pendidikan” peringkat sekolah. Walaupun jelas Melayu Patani adalah lebih baik, Melayu Ayuthia tetap mementingkan pendidikan awal untuk anak mereka.

Jadual 2 Keputusan Ujian Statistik bagi Perbandingan PMS dalam Enam Domain.

Domain		Patani	Ayuthia	Statistik t	Kritikal t satu hujung	Keputusan
Bahasa	B. Melayu	min=3.94, var=0.89	min=1.44, var=0.25	13.5515	1.6711	Terima H_0
	Tulisan Jawi	min=3.45, var=0.93	min=1.00, var=0.00	16.1019	1.6849	Terima H_0
Budaya	Melayu	min=3.60, var=0.27	min=2.02, var=1.29	6.0844	1.7109	Terima H_0
	Islam	min=4.29, var=0.15	min=2.56, var=2.42	5.0148	1.7207	Terima H_0
Pendidikan	Sekolah	min=3.48, var=0.49	min=2.62, var=2.17	2.5366	1.7081	Terima H_0
	Tinggi	min=3.76, var=0.23	min=1.98, var=0.94	7.9351	1.7081	Terima H_0
Pekerjaan		min=3.56, var=0.22	min=2.23, var=1.21	5.2614	1.7109	Terima H_0
Sosial		min=3.29, var=0.37	min=2.25, var=1.49	3.6862	1.7081	Terima H_0
Politik		min=3.59, var=0.33	min=2.45, var=1.69	3.8180	1.7109	Terima H_0

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Daripada dapatan kajian yang diberikan dalam Bahagian 7, secara keseluruhan boleh disimpulkan bahawa tahap pencapaian Melayu Islam Patani jauh lebih baik berbanding dengan Ayuthia, dengan peratusan keseluruhan (semua domain) masing-masing 67 peratus dan 26 peratus. Melayu Islam Ayuthia boleh dikategorikan sebagai miskin berbanding dengan Patani. Pendapatan bulanan isi rumah Melayu Patani hampir tiga kali ganda berbanding dengan Ayuthia. Elemen lain, dari segi tahap kehidupan turut menunjukkan perbezaan yang ketara. Tahap pendidikan Melayu Patani jauh lebih baik dengan 28 peratus pada peringkat tinggi (ijazah/diploma) berbanding dengan Ayuthia hanya 8 peratus.

Melayu Patani dan Ayuthia amat berbeza dalam domain “Bahasa” dan “budaya”. Melayu Ayuthia tidak lagi mampu bertutur bahasa Melayu dan tidak tahu Tulisan Jawi. Mereka juga tidak tahu budaya Melayu dan tidak mengamalkan ajaran Islam dengan sebaiknya. Keadaan ini berbeza dengan Melayu Patani. Bahasa dan budaya Melayunya masih kekal, dan ajaran Islam sentiasa menjadi amalan seharian dan kukuh. Walaupun begitu, pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda Melayu Patani semakin berkurangan disebabkan mereka didedahkan dengan bahasa Thai sejak di bangku sekolah lagi.

Tahap dan peluang masyarakat Melayu Patani dalam domain “Pendidikan” dan “Pekerjaan” adalah lebih baik berbanding dengan Ayuthia. Kurangnya kesedaran mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan Melayu Ayuthia telah memberikan kesan yang ketara dalam pekerjaan. Tidak adil untuk kita mengatakan bahawa wujudnya amalan diskriminasi oleh kerajaan Thai. Perkara ini telah dibuktikan oleh Melayu Patani, mereka mampu berjaya dalam pendidikan dan pekerjaan dengan kerajaan yang sama.

Dalam domain “sosial” dan “politik”, Melayu Ayuthia jauh ketinggalan berbanding dengan Melayu Patani. Tiada pemimpin berwawasan untuk membela nasib mereka. Pelibatan politik setempat dalam kalangan generasi muda juga tidak wujud. Berbanding pelibatan Melayu Patani dalam politik setempat adalah pada tahap yang memuaskan, walaupun tidak tertumpu pada mana-mana parti politik utama Thailand. Mereka lebih memihak kepada parti kerajaan yang memerintah bagi memastikan masyarakat mereka sentiasa mendapat sokongan dan pembelaan daripada kerajaan. Perbandingan secara keseluruhan antara Melayu Ayuthia dan Melayu Patani menunjukkan perbezaan yang amat ketara dan signifikan. Melayu Patani jauh lebih baik berbanding dengan Melayu Ayuthia dalam semua domain terutamanya “bahasa”.

Banyak yang boleh dipelajari dan diteladani daripada kajian ini. Pengalaman Ayuthia memberikan peringatan kepada Melayu Malaysia bahawa mereka perlu

menjaga, memelihara dan memperkasa bahasa, budaya dan agama mereka, agar tidak hilang dek zaman.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Encik Shintaro Hara dan pelajar Melayu dari Malay Section, Department of Eastern Languages, Prince of Songkla University, yang membantu menjalankan kaji selidik di Kampung Kuwing.

RUJUKAN

- Ahmad Fathi, 2001. *Pengantar Sejarah Fathoni*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Bahasa Melayu di Samudera Benih yang Baik Menjadi Pulau*. Edisi Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa, dan Farid Mat Zain, 2010. "Perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Cam dlm. *Jurnal Alam dan Tamaddun Melayu* Volume 28, No. 2, hlm: 155-73.
- Ismail Salleh, 2007. *Bahasa Melayu di negara Thai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamsiah Abdullah, 2010. "Integrasi Melayu Minoriti dengan Cina Majoriti di Singapura: Satu Kajian Rintis dalam Domain Peribadi, Keluarga, Pekerjaan, Sosial dan Politik" dalam Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti, Kuching, 23-24 Nov 2010.
- MAJMAK; <http://majmakbudayadanwarisanjawi.blogspot.com/>
- Mohd Zamberi A. Malek, 1994. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paitoon M. Chaiyanara, 2005. "Transmorfofonologisasi Suprafiks: Dialek Patani Merentasi Zaman" dlm. *Jurnal Bahasa* 5(1), hlm: 51-67.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2010. "Bahasa Melayu Minoriti dalam Masyarakat Majoriti berbahasa Inggeris: Rujukan Khusus di Katanning Australia". Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti, Hilton Kuching, 23-24 November 2010.
- Sohaimi Abdul Aziz, dan Omar Yusoff, 2010. "Perkembangan Identiti Kaum Peranakan Samsam Islam: Satu Kajian Kes Seorang Dalang Wayang Gedek di Kedah" dlm. *Jurnal Alam dan Tamaddun Melayu* Volume 28, No. 2, hlm: 83-107.
- Worawit Baru, 2001. "Jati diri Melayu Thailand" dlm. Abdul Latif Abu Bakar, *Dunia Melayu Dunia Islam*. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hlm: 117-31.